

Manulife Asia Technology Fund

Memanfaatkan peluang *pertumbuhan pesat* dalam pasaran teknologi Asia

📞 (03) 2719 9271
✉️ manulifeim.com.my

Imbas kod QR untuk melayari laman web kami



Mengapa melabur dalam ekuiti teknologi Asia?

Rantaian bekalan teknologi merupakan rantaian bekalan masa depan


Pertumbuhan sekular dan permintaan bagi teknologi baharu mewujudkan peluang berpotensi dalam setiap peringkat ekosistem.



Asia memainkan peranan penting dalam rantaian nilai semikonduktor global

Asia merintis jalan dalam reka bentuk, pembuatan dan penggunaan produk semikonduktor.

Jualan semikonduktor global mengikut kawasan geografi, 2019 (%)




Sumber: Boston Consulting Group, Persatuan Industri Semikonduktor (SIA), Gartner, IDC, Wellington Management pada April 2021 | Wellington telah menyemak kajian di atas dan yakin hasil kajian masih sah walaupun selepas mengambil kira data terkini.

Asia berada jauh di hadapan dari segi peluang pelaburan teknologi

Pertumbuhan syarikat teknologi Asia telah mengatasi Barat.

Syarikat teknologi dengan modal pasaran melebihi USD 100 juta




Sumber: FactSet, Wellington Management pada April 2024 | Liputan geografi FactSet, syarikat-syarikat teknologi maklumat dan perisian/perkhidmatan/runcit internet dengan modal pasaran melebihi USD 100 juta.

Potensi pertumbuhan menjangkaui peneraju indeks

Peluang pelaburan lebih wujud di pasaran teknologi Asia yang pesat berkembang.

Banyak dana memilih untuk melabur dalam 232 saham utama Indeks MSCI All Country Asia Pacific Information Technology. Daripada semua pelaburan, hampir 50% daripada dana dilaburkan dalam hanya 5 syarikat teknologi. Keadaan ini membuka peluang yang belum diterokai dalam baki **1,500+ saham**.

Pasaran ekuiti keseluruhan sektor Teknologi Asia >1,700¹



¹ Saham diklasifikasi sebagai teknologi maklumat dan perisian/perkhidmatan internet | Sumber: MSCI, FactSet, Wellington Management | Pada 29 Disember 2023 | Saham yang ditunjukkan dipilih kerana merupakan lima pegangan utama dalam Indeks MSCI AC Asia Pacific IT. Saham khusus yang dikenal pasti tidak mewakili semua saham yang dibeli, dijual atau disyorkan untuk pelanggan. Andaian tidak harus dibuat bahawa pelaburan dalam saham yang dikenal pasti telah atau akan menjana keuntungan. Pegangan sebenar berbeza-beza untuk setiap pelanggan dan tiada jaminan bahawa akaun mana-mana pelanggan khusus akan memegang mana-mana atau semua saham yang tersenarai.

Syarikat Teknologi Asia umumnya masih kurang dihargai

Walaupun modal pasaran dalam dunia teknologi global tertumpu kepada syarikat bermodal besar di Barat, syarikat teknologi di Asia Pasifik yang lebih kecil dan tangkas menawarkan potensi pertumbuhan jauh lebih tinggi.

Inovasi peringkat awal :


Dunia Teknologi Asia, yang sebahagian besarnya terdiri daripada syarikat-syarikat bermodal lebih kecil, sering kali menjadi pelopor inovasi.

Permata terselindung :

Dari segi prestasi masa lepas, Wellington Asia Technology Fund mendapati bahawa pendedahan kepada saham-saham bermodal kecil-sederhana (dalam julat modal pasaran <USD 10 bilion) adalah penyumbang utama kepada prestasi perbandingan Dana dalam tempoh-tempoh di mana pasaran adalah positif, seperti sepanjang tempoh 2019–2021.


Asia Pasifik mempunyai lebih banyak syarikat teknologi di bawah modal pasaran USD 5 bilion (perbezaan serantau mengikut modal pasaran USD)

■ Asia Pacifik ■ Amerika Utara, Eropah Barat



Modal pasaran Asia Pasifik mengekori pasaran Amerika Utara dan Eropah Barat (perbezaan serantau mengikut modal pasaran USD)

■ Asia Pacifik ■ Amerika Utara, Eropah Barat



Sumber: FactSet, Wellington Management pada April 2024 | Liputan geografi FactSet, syarikat-syarikat teknologi maklumat, peruncitan berskala besar, runcit internet, elektronik pengguna, hiburan, media & perkhidmatan interaktif, media, jentera perindustrian, perkhidmatan profesional, dan transaksi & pemprosesan pembayaran dengan modal pasaran melebihi USD 100 juta.

Mengapa pilih Manulife Asia Technology Fund?

Pendedahan terbeza kepada sektor Teknologi Asia

- Pelaburan melangkui sektor IT tradisional
- Nama-nama bukan indeks pada masa lalu merangkumi 40-50% daripada pelaburan kami
- 30-40% daripada portfolio kami pada masa lalu telah dilaburkan dalam syarikat dengan modal pasaran <USD 10 bilion

Maklumat industri pakar yang mendalam dan terbeza

- Pengurus portfolio dengan pengalaman pelaburan teknologi lebih 16 tahun
- Pasukan di Asia yang terdiri daripada tiga pakar mempunyai purata pengalaman lebih 13 tahun dalam industri pelaburan
- Pemilihan saham dari bawah ke atas menjadi tunggak proses pelaburan kami

Pasukan teknologi global & sumber seluruh firma

- Pasukan pelaburan yang berpangkalan di Asia disokong oleh pasukan teknologi global yang lebih luas
- Capaian kepada sumber firma yang lebih menyeluruh

Sesuai untuk pelabur dengan tempoh pelaburan lebih panjang

- Sesuai untuk pelabur jangka panjang dan bersabar
- Tempoh pelaburan 3-hingga-5 tahun dalam industri yang sedang mengalami pertumbuhan sekular
- Tahap jual beli rendah hingga sederhana

Maklumat penting dana

Nama dana	Manulife Asia Technology Fund (“Dana”)		
Pengurus	Manulife Investment Management (M) Berhad 200801033087 (834424-U)		
Kategori dana	Dana pembekal		
Mata wang asas	USD		
Objektif pelaburan	Dana bertujuan untuk mencapai peningkatan modal dengan melabur dalam satu skim pelaburan kolektif, dengan tumpuan terhadap pelaburan dalam ekuiti syarikat berkaitan teknologi di rantau Asia.		
Profil pelabur	Dana ini sesuai untuk pelabur yang: <ul style="list-style-type: none"> • mahu mencapai peningkatan modal; • mempunyai tempoh pelaburan jangka panjang; dan • ingin mendapatkan pendedahan pelaburan di syarikat berkaitan teknologi di Asia. 		
Dasar dan strategi pelaburan	Dana akan melabur sekurang-kurangnya 85% NAB Dana dalam Kelas S USD Wellington Asia Technology Fund (“Dana Sasaran”), dan baki NAB Dana akan dilaburkan dalam aset cair seperti instrumen pasaran wang (termasuk sekuriti pendapatan tetap yang mempunyai baki tempoh matang kurang daripada 365 hari), penempatan deposit jangka pendek dengan institusi kewangan untuk tujuan kecairan dan/atau derivatif untuk tujuan lindung nilai.		
Penanda aras prestasi	Tiada penanda aras untuk Dana. Oleh kerana Dana ialah dana pembekal, maka Dana bertujuan untuk mencerminkan prestasi Dana Sasaran, yang menggunakan indeks tersuai sebagai penanda aras rujukan.		
Kelas	Kelas A (USD), Kelas A (RM) dan Kelas A (Lindung Nilai-RM)		
Harga tawaran awal	Kelas A (USD)	USD0.5000	
	Kelas A (RM)	RM0.5000	
	Kelas A (Lindung Nilai-RM)	RM0.5000	
Tempoh tawaran awal	Dua puluh satu (21) hari dari 19 Jun 2024 hingga 9 Julai 2024		
Caj jualan	Saluran pengedaran Penasihat institusi unit amanah (IUTA) Perunding unit amanah (UTC) Pengurus	Caj jualan Sehingga 5.00% daripada NAB seunit	
Yuran pengurusan tahunan	Sehingga 1.80% daripada NAB Dana setahun yang dikira dan terakru secara harian.		
Yuran pemegang amanah tahunan	0.04% setahun daripada NAB Dana (termasuk yuran pemegang amanah tempatan tetapi tidak termasuk yuran dan caj penyimpan asing).		
Pelaburan awal minimum	Kelas A (USD) Kelas A (RM) Kelas A (Lindung Nilai-RM)	Urusan di pejabat USD2,000.00 RM2,000.00 RM2,000.00	Urus niaga dalam talian Tiada RM200.00 RM200.00
	atau amaun lain yang lebih rendah sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa.		
Pelaburan tambahan minimum	Kelas A (USD) Kelas A (RM) Kelas A (Lindung Nilai-RM)	Urusan di pejabat USD1,000.00 RM1,000.00 RM1,000.00	Urus niaga dalam talian Tiada RM100.00 RM100.00
	atau amaun lain yang lebih rendah sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa.		
Dasar pengagihan	Kelas A (USD), Kelas A (RM) and Kelas A (Lindung Nilai-RM) - Pengagihan pendapatan, jika ada, adalah mengikut keadaan.		
Tahun kewangan berakhir	30 Jun		

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan yang timbul daripada terjemahan Bahasa Malaysia brosur ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Penafian:

Maklumat di atas tidak disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan tertakluk kepada amaran, penafian, kelayakan atau terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus Manulife Asia Technology Fund bertarikh 19 Jun 2024 dan semua Lembaran Maklumat Penting Produk (secara bersama dinamakan “Dokumen Tawaran”), yang boleh didapati di pejabat atau laman web kami, sebelum melabur. Dokumen Tawaran telah didaftarkan dengan SC, bagaimanapun, pendaftaran dengan SC tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengesahkan produk tersebut. Terdapat risiko yang terbabit dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Persaraan Swasta. Antara risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Pelaburan Swasta ialah risiko turun naik kadar faedah, risiko tukaran asing atau mata wang, risiko negara, risiko politik, risiko kredit, risiko ketidakpatuhan, risiko pihak yang berurusan, risiko pengurus dana sasaran, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Untuk maklumat lanjut tentang profil risiko semua dana, sila rujuk kepada bahagian Faktor Risiko dalam Dokumen Tawaran. Harga unit dan pengagihan pendapatan mungkin turun atau naik. Pelabur hendaklah membandingkan dan mempertimbangkan yuran, caj dan kos yang terbabit. Pelabur dinasihatkan untuk menjalankan penilaian risiko sendiri dan berunding dengan penasihat profesional jika ragu-ragu tentang tindakan yang patut diambil.